



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpk.gov.my

SIARAN MEDIA

BAGI MENJAWAB KENYATAAN BERKENAAN ARAHAN KERAJAAN NEGERI BERKAITAN PEMBEKUAN PERMIT PINDAHAN PADI DI NEGERI TERENGGANU

PUTRAJAYA, 28 MAC 2024 – Kawalselia Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) ingin merujuk kepada kenyataan yang dibuat oleh YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Negeri Terengganu di dalam sebuah akhbar bertarikh 27 Mac 2024 berhubung arahan Kerajaan Negeri Terengganu untuk membekukan permit pemindahan padi di negeri Terengganu.

KPB ingin menjelaskan bahawa kuasa untuk membekukan permit pemindahan padi antara negeri adalah di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] melalui fungsi Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras. Justeru, kenyataan yang diberikan bahawa Kerajaan Negeri yang mengeluarkan arahan pembekuan perpindahan padi adalah tidak tepat dan mengelirukan.

Berkuatkuasa 20 Jun 2023, KPKM melalui Kawalselia Padi dan Beras (KPB) telah membekukan semua permohonan permit perpindahan padi daripada ke luar negeri. Langkah ini merupakan satu langkah intervensi KPKM bagi mengatasi isu bekalan beras setempat serta mengambil kira kebajikan para petani.

Untuk rekod, arahan pembekuan permohonan perpindahan padi masih lagi berkuatkuasa sehingga kini. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat lebih hasil padi di dalam negeri dan terdapat keperluan untuk menjual padi merentasi negeri, permohonan boleh dikemukakan di pejabat KPB negeri untuk pertimbangan dan kelulusan Ketua Pengarah KPB.

**KAWALSELIA PADI DAN BERAS
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**